



PEJABAT DAERAH DAN TANAH GOMBAK

**PELAN PENGURUSAN RISIKO
TAHUN 2019 - 2023**



KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
BAB 1	PENDAHULUAN	
	RINGKASAN EKSEKUTIF	4
	HALA TUJU STRATEGIK	5 - 6
BAB 2	PROSES KERJA PENGURUSAN	8
	RISIKO	
BAB 3	MEKANISME PENGURUSAN	10 - 14
	RISIKO	
	MENGENALPASTI RISIKO	16 - 33
	PELAN TINDAKAN	35 - 52
BAB 4	PENUTUP	54

BAB 1

PENDAHULUAN

RINGKASAN EKSEKUTIF

Bagi memastikan keperluan dan kesinambungan pelaksanaan sistem penyampaian, pengurusan risiko merupakan satu aspek pengurusan yang sangat penting dalam memastikan kesinambungan perkhidmatan Pejabat Daerah dan Tanah Gombak.

Dalam merangka Pelan Induk Pengurusan Risiko ini, dasar dan polisi yang menjadi rujukan utama adalah Surat Pekeliling Am Bil. 6 Tahun 2005 : Garis Panduan Penilaian Risiko Keselamatan Maklumat Sektor Awam, Arahan YAB Perdana Menteri No. 1, 1998.

Pelan Induk Pengurusan Risiko Pejabat Daerah dan Tanah Gombak ini telah dirangka bersesuaian dengan hala tuju strategik jabatan bagi memastikan sistem penyampaian yang cekap, telus dan mesra terlaksana. Justeru itu, Jawatankuasa Pengurusan Risiko yang dianggotai oleh pegawai pengurusan tertinggi jabatan bertindak sebagai pemantau akan mengawal selia setiap proses kerja di Pejabat Daerah dan Tanah Gombak. Perancangan dan pelaksanaan pengurusan risiko ini meliputi tempoh lima (5) tahun bagi tahun 2019 hingga 2023 dan kajian semula dan semakan akan dilaksanakan secara berterusan.

Objektif utama pelan ini diwujudkan ialah untuk mengenal pasti risiko serta menganalisa kesan dan akibat sekiranya sesuatu risiko itu terjadi. Perancangan seterusnya diatur bagi pelaksanaan tindakan-tindakan kawalan, tindakan alternatif dan penambahbaikan dalam mengawal risiko tersebut daripada terus mengakibatkan impak yang buruk.

Pelan ini merupakan satu persediaan yang dirancang bagi menghadapi cabaran dalaman dan luaran jabatan dari pelbagai aspek. Pelan tindakan yang telah dirancang memerlukan komitmen dan penglibatan daripada semua pihak. Di samping itu, proses penambahbaikan dan semakan semula pelan perlu dilaksanakan dari semasa ke semasa supaya sesuai dengan cabaran dan polisi-polisi baru yang digubal pada masa akan datang.

HALA TUJU STRATEGIK

VISI

MENJADI TONGGAK PENGURUSAN DAERAH DAN
PENTADBIRAN TANAH NEGERI SELANGOR

MISI

MENGURUS TADBIR DAERAH SERTA PENTADBIRAN
TANAH SECARA PROFESIONAL DAN BERINTEGRITI
DEMI MENCAPAI KEHENDAK STAKEHOLDERS DAN
MENGOPTIMUMKAN SUMBER TANAH BAGI
MENJANA HASIL NEGERI

SLOGAN

MAJU BERSAMA BERTAMBAH MUTU

HALA TUJU STRATEGIK

**Memantapkan Keupayaan Dan Kapasiti Organisasi
Bagi Meningkatkan Kecekapan Sistem Penyampaian
Perkhidmatan.**

**Memperkasakan Tadbir Urus Organisasi Dan
Pembudayaan Nilai-nilai Murni Ke Arah
Kecemerlangan Organisasi.**

**Memperkuuhkan Pengurusan Dan Pentadbiran
Tanah Bagi Kemakmuran Serta Mempertingkatkan
Hasil Negeri.**

**Memperbanyakkan Kemudahan Dan Infrastruktur
Awam Bagi Mempertingkatkan Kualiti Hidup
Masyarakat**



BAB 2

PROSES KERJA

PENGURUSAN RISIKO

PROSES KERJA PENGURUSAN RISIKO

Definisi Risiko:

- ❑ Kecenderungan/kemungkinan berlakunya sesuatu perkara buruk kesan daripada pelaksanaan sesuatu tindakan (*The chance of something happening that will have an impact upon objectives*);
- ❑ Risiko boleh dikategorikan kepada jenayah rasuah, penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dan kelemahan pengurusan;
- ❑ Kesan risiko termasuklah:
 - Kekurangan/kemerosotan amaun kutipan hasil;
 - Pembaziran penggunaan sumber kewangan /tenaga kerja/ penggunaan masa;
 - Penerimaan barang/perkhidmatan yang kurang berkualiti;
 - Ketidakadilan dan peningkatan aduan awam; Menjejaskan imej organisasi dan keyakinan orang ramai.
- ❑ Proses kerja Pengurusan Risiko di Pejabat Daerah dan Tanah Gombak boleh diringkaskan seperti berikut:
 - Menyenaraikan proses-proses utama dan objektif yang ingin dicapai;
 - Membuat analisa risiko;
 - Menilai kategori atau tahap risiko dari segi akibat atau kesan daripada ancaman yang wujud;
 - Menyediakan pelan tindakan urusan risiko atau langkah-langkah bagi mencegah risiko atau langkah penambahbaikan berserta pengukuran yang sesuai;
 - Membina petunjuk pengukuran/proses;
 - Penubuhan sistem pemantauan dan pelaporan pelaksanaan risiko;
 - Sentiasa membuat semakan semula; dan
 - Mengulangi proses-proses ini semula secara berterusan.

BAB 3

MEKANISME

PENGURUSAN RISIKO

MEKANISME **PENGURUSAN RISIKO**

Mekanisme Pengurusan Risiko dilakukan dengan mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Pejabat Daerah dan Tanah Gombak yang terdiri daripada pegawai pengurusan tertinggi jabatan ini. Peranan utama Jawatankuasa ini ialah untuk membantu Pejabat Daerah dan Tanah Gombak dalam menyelia operasi Pengurusan Risiko, mengenal pasti ketepatan perancangan dan keberkesaan langkah-langkah pencegahan risiko atau penambahbaikan yang diambil.

MESYUARAT JAWATAN KUASA

Pejabat Daerah dan Tanah Gombak perlu mengadakan mesyuarat berkala, sekurang-kurangnya sekali setiap setengah tahun dan melaporkan secara tetap kepada Pihak Pengurusan.

TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA

Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk:

- ✓ Mengkaji semula dan mengesyorkan strategi pengurusan risiko, polisi dan toleransi risiko untuk kelulusan pihak pengurusan;
- ✓ Mengkaji semula dan menilai polisi pengurusan risiko dan rangka kerja bagi mengenal pasti, mengira, memantau dan mengawal risiko serta tahap keberkesaan kegiatan tersebut;
- ✓ Memastikan infrastruktur, sumber dan sistem yang mencukupi tersedia untuk pengurusan risiko berkesan iaitu memastikan bahawa pegawai yang bertanggungjawab untuk melaksanakan sistem pengurusan risiko dapat menjalankan secara bebas daripada kegiatan mengambil risiko jabatan; dan
- ✓ Mengkaji semula laporan berkala pengurusan mengenai pendedahan risiko dan kegiatan pengurusan risiko.

RAJAH

PENGURUSAN RISIKO

PEJABAT

DAERAH DAN TANAH GOMBAK



PROSES **PENGURUSAN RISIKO**

PENILAIAN RISIKO :

Tindakan yang diambil oleh sesebuah jabatan bagi mengenalpasti aktiviti utama masing-masing :

- yang boleh terdedah kepada berlakunya sesuatu risiko semasa proses pelaksanaannya.
- membuat penilaian keatas mekanisme atau sistem kawal selia yang diguna pakai bagi menangani risiko tersebut.



PENGURUSAN RISIKO :

- ❖ Usaha-usaha yang diambil oleh PDT Gombak bagi mempertingkatkan dan memperkemaskan lagi sistem operasi/kawal selianya serta mengurangkan atau meminimumkan kesan risiko.
- ❖ Pengurusan risiko melibatkan proses:
 - i.Merangka dan mendokumenkan satu pelan tindakan bagaimana hendak menangani risiko tersebut.
 - ii.Menentukan pegawai yang bertanggungjawab untuk melaksana dan memantau Pelan Pengurusan Risiko (PPR) berkenaan.



PERINGKAT PENILAIAN PENGURUSAN RISIKO :



MENGENAL PASTI RISIKO

AKTIVITI/PROSES UTAMA

MENGENALPASTI AKTIVITI UTAMA PDT GOMBAK YANG BOLEH TERDEDAH KEPADA RISIKO :

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

- ✓ Pengurusan Sumber Manusia
- ✓ Pengurusan Pentadbiran
- ✓ Pengurusan Aset, Stor dan Latihan
- ✓ Pengurusan Keselamatan, Majlis Acara Rasmi & Keraian dan Bencana
- ✓ Pengurusan Kewangan
- ✓ Pengurusan Teknologi Maklumat
- ✓ Pengurusan Aduan dan Integriti

MENGENALPASTI RISIKO BAGI PROSES / AKTIVITI

PENGURUSAN ADUAN DAN INTEGRITI:

MENGENALPASTI RISIKO

Punca / Isu	Risiko & Kesan	Peluang
Ketidakpuasan hati pelanggan terhadap perkhidmatan	Risiko : Kekerapan penerimaan aduan daripada pelanggan Kesan : Menjejaskan imej jabatan	

PENGURUSAN KESELAMATAN, MAJLIS ACARA RASMI & KERAIAN DAN BENCANA :

MENGENALPASTI RISIKO

Punca / Isu	Risiko & Kesan	Peluang
Kurang kakitangan yang berkemahiran dalam kerja penyelenggaraan	Risiko : Masalah kerosakan berterusan dan berpanjang Kesan : Kelewatan dalam menyelesaikan masalah kerosakan kecil	

MENGENALPASTI RISIKO

Punca / Isu	Risiko & Kesan	Peluang
Kurang kepakaran dan kemahiran dalam Pengurusan Majlis	Risiko : Majlis Rasmi tidak mengikut protokol Kesan : Menjatuhkan imej jabatan	

PENGURUSAN ASET DAN STOR

MENGENAL PASTI RISIKO

Punca / Isu	Risiko & Kesan	Peluang
Kurang Latihan Khusus dalam bidang kerja Kakitangan	<p>Risiko : Kekerapan melakukan kesalahan dalam pelaksanaan tugas.</p> <p>Kesan : Sukar untuk mencapai KPI yang ditetapkan</p>	Jabatan perlu menyediakan latihan yang mencukupi kepada kakitangan yang memerlukan.
Pihak Pembekal tidak mengikut syarat yang ditetapkan bagi membekalkan perolehan Jabatan	<p>Risiko : Kekerapan pembelian barang meningkat</p> <p>Kesan : Barang mudah rosak kerana tidak mengikut spesifikasi</p>	
Kenderaan berusia lebih daripada 8 tahun	<p>Risiko : Masalah kerosakan berterusan dan berpanjangan</p> <p>Kesan : Peningkatan kos penyelenggaraan</p>	

PENGURUSAN KEWANGAN :

MENGENALPASTI RISIKO

Punca / Isu	Risiko & Kesan	Peluang
Laporan Ulasan Teknikal Lesen Eksais daripada Agensi berkaitan lewat di terima	<p>Risiko : Kelewatan Mengeluarkan Lesen Eksais</p> <p>Kesan : Hasil cukai Lesen Eksais tidak dapat di kutip/lewat</p>	
Pembayaran tuntutan mangsa bencana	<p>Risiko : Duit tuntutan rekupan lewat di terima dari Unit Bencana, SUK</p> <p>Kesan : Mangsa bencana lewat menerima bantuan bencana</p>	

PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT :

MENGENALPASTI RISIKO

Punca / Isu	Risiko & Kesan	Peluang
Kehilangan data	<p>Risiko : Hardisk rosak / corrupt / hacking / bencana alam dan sistem down.</p> <p>Kesan : Data hilang dan tidak dapat diselamatkan</p>	Edaran maklumat mengenai kesedaran keselamatan data perlu di edarkan dengan kerap.

MENGENALPASTI AKTIVITI UTAMA PDT GOMBAK YANG BOLEH TERDEDAH KEPADA RISIKO :

BAHAGIAN PENGURUSAN TANAH

UNIT PEMBANGUNAN TANAH

- Permohonan Pecah Bahagian/Pecah Sempadan /Penyatuan Tanah
- Permohonan Serah Balik Dan Beri Milik Semula Tanah
- Permohonan Mengubah Syarat Nyata Tanah

UNIT PELUPUSAN TANAH

- Permohonan permit bahan batuan
- Memproses permohonan pemberimilikan tanah kerajaan
- Memproses permohonan lesen menduduki sementara
- Memproses permohonan perizapan tanah kerajaan
- Menyelaras mesyuarat teknikal antara jabatan

UNIT PENDAFTARAN

- Pendaftaran urusniaga bagi urusan pindahmilik tanah, gadaian dan melepaskan gadaian (i & ii)
- Pendaftaran bukan urusniaga bagi urusan kaveat persendirian dan tarik balik kaveat persendirian (i & ii) pengurusan permohonan gantian hakmilik hilang (i & ii)
- Mendaftar hakmilik baru, hakmilik muktamad dan hakmilik sambungan (i)
- Mendaftar permohonan endorsan daripada unit-unit lain (i)
- Permohonan bagi kebenaran (consent) pindahmilik dan rayuan untuk hakmilik landed dan strata (ii)
- Pengurusan permohonan perintah jual (lelongan) (ii)

UNIT HASIL

- Pengurusan dalam meningkatkan kutipan hasil tanah dan mengurangkan tunggakan cukai tanah
- Memproses bayaran bil

UNIT PENGUATKUASAAN

- 425 KTN
- 426 KTN

MENGENALPASTI RISIKO BAGI PROSES / AKTIVITI

UNIT PEMBANGUNAN TANAH :

MENGENALPASTI RISIKO

Punca / Isu	Risiko & Kesan	Peluang
Kematian salah seorang pemilik tanah dan perintah PESAKA belum diperolehi	<p>Risiko : Permohonan rasmi dan lengkap tidak dapat diproses.</p> <p>Kesan : Isu pemilikan tanah berdasarkan syer/bahagian tidak dapat diselesaikan</p>	Mengurangkan aduan awam.
Laporan Tanah oleh Unit Teknikal tidak dapat disediakan dalam tempoh waktu yg. telah ditetapkan (14 hari)	<p>Risiko : Sasaran tempoh waktu menyelesaikan permohonan tidak dapat dicapai</p> <p>Kesan : Rungutan daripada orang awam dan piagam pelanggan tidak dapat dicapai.</p>	Proses permohonan transaksi dapat dilaksanakan mengikut tempoh.
Penjelasan berhubung sesuatu permohonan tidak jelas / lengkap	<p>Risiko : Pelanggan tidak memahami prosedur/tatacara permohonan selepas penjelasan yang diberikan oleh kakitangan</p> <p>Kesan : Menjejaskan sistem penyampaian maklumat jabatan kepada orang awam</p>	Meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan jabatan ke arah yang baik serta mengurangkan aduan awam dan mengurangkan kesilapan.

UNIT PELUPUSAN TANAH:

MENGENAL PASTI RISIKO

Punca / Isu	Risiko & Kesan	Peluang
Kaedah - kelewatan pemprosesan permohonan bahan batuan	<p>Risiko : ketirisan hasil di atas lambakan permohonan permit dan permohonan yang diterima lewat</p> <p>Kesan : menyebabkan hasil kerajaan negeri lambat dikutip dan kebarangkalian bahan batuan dikeluarkan tanpa permit</p>	Dapat tambahan bayaran royalti permit bahan batuan dan meningkatkan hasil kerajaan.
Permohonan pemberimilikan tanah kerajaan	<p>Risiko : pencerobohan tanah kerajaan dan tunggakan fail permohonan bertambah</p> <p>Kesan : menyebabkan pemohon membuat pencerobohan di atas tanah kerajaan</p>	Dapat menambah kutipan bayaran premium dan meningkatkan hasil kerajaan negeri.

MENGENAL PASTI RISIKO

Punca / Isu	Risiko & Kesan	Peluang
Permohonan lesen menduduki sementara	<p>Risiko : pencerobohan tanah rizab kerajaan yang berleluasa</p> <p>Kkesan : menyebabkan permohonan Ips berkurangan dan pendapatan kerajaan negeri menurun</p>	Mengawal permohonan Ips dengan lebih berkesan.
Permohonan perizaban tanah kerajaan	<p>Risiko : tunggakan fail permohonan bertambah dan masih terdapat tanah kerajaan yang belum diwartakan</p> <p>Kesan : pencerobohan ke atas tanah kerajaan yang belum diwartakan</p>	Tanah kerajaan yang telah diwartakan, boleh dipajak oleh orang awam bagi menambah pendapatan kerajaan negeri.
Mesyuarat teknikal antara jabatan	<p>Risiko : berlaku kesilapan pada kelulusan</p> <p>Kesan : pelanggaran kegunaan syarat nyata tanah</p>	Boleh mengenal pasti keperluan setiap jabatan teknikal berdasarkan permohonan.

UNIT PENDAFTARAN:

MENGENALPASTI RISIKO

Punca / Isu	Risiko & Kesan	Peluang
Ketiadaan kaunter khas bagi sebarang penyemakan dan pertanyaan bagi proses/aktiviti 1,2 dan 3.	<p>Risiko: Mengganggu proses penerimaan perserahan di kaunter sedia ada</p> <p>Kesan: Gangguan emosi dan tekanan kepada petugas kaunter</p>	Jabatan perlu menyediakan peruntukan membina kaunter pertanyaan di unit pendaftaran.
Tumpuan petugas terganggu akibat jumlah perserahan yang tinggi (aktiviti 1-5)	<p>Risiko: Kesalahan maklumat-maklumat di dalam dokumen hakmilik</p> <p>Kesan: Menyebabkan jabatan boleh menerima aduan berikutan kesalahan yang menjasikan kelancaran urusan pihak-pihak berkepentingan</p>	Jabatan perlu menambah jumlah kakitangan.

MENGENAL PASTI RISIKO

Punca / Isu	Risiko & Kesan	Peluang
Kewujudan ejen palsu yang mengganggu proses lelongan	<p>Risiko: Penggadai dan pemegang gadaian tidak memperolehi keuntungan daripada proses lelongan</p> <p>Kesan: Proses pengeluaran perintah jual tidak dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan</p>	membantu penggadai menjelaskan hutang dengan sistematik selepas gadaian
Fraud/penipuan dokumen rasmi bagi tujuan aktiviti/proses 6	<p>Risiko: Pendedahan kepada penipuan kebenaran "consent"</p> <p>Kesan: data / dokumen tidak lengkap/ tidak telus dan terdapat keraguan</p>	dokumen sentiasa yang terkini (update)
Lambakan dokumen kerana kelewatan pungutan dokumen landed/strata	<p>Risiko: Unit terbeban dengan lambakan dokumen</p> <p>Kesan: Ruang simpanan yang terhad</p>	Jabatan perlu menyediakan peruntukan sistem / inovasi pungutan melalui aplikasi pemakluman yang terkini.

MENGENAL PASTI RISIKO

Punca / Isu	Risiko & Kesan	Peluang
Keselamatan Kertas Keselamatan bagi Hakmilik Landed & Strata	Risiko: Kehilangan Kertas Keselamatan Kesan: Penipuan Dokumen Hakmilik	Jabatan perlu menaik taraf keselamatan bilik kebal

UNIT HASIL :

MENGENAL PASTI RISIKO

Punca / Isu	Risiko & Kesan	Peluang
KAEDAH- Tidak menerima bil hasil tanah KEWANGAN - Syarikat telah 'winding up'/'dissolve' MANUSIA- Hakmilik Bermasalah	<p>Risiko: Pemilik/Syarikat tidak membayar pada tempoh yang ditetapkan/tidak langsung membayar</p> <p>Kesan:</p> <ul style="list-style-type: none"> 1) Menyebabkan tunggakan hasil meningkat 2) Menyebabkan penurunan hasil negeri 3) Menjejaskan prestasi jabatan 	Bayaran cukai tanah/petak secara online boleh dilaksanakan.
PERALATAN- Ketiadaan mesin pengimbas wang MANUSIA- Kurang kefahaman ciri-ciri keselamatan matawang	<p>Risiko: Menerima duit palsu ketika pembayaran di kaunter</p> <p>Kesan: Jumlah kutipan di Laporan Hasil Kutipan Kaunter akan berkurang</p>	Pembelian mesin pengimbas wang untuk semua kaunter bayaran boleh dibuat.

MENGENALPASTI RISIKO

Punca / Isu	Risiko & Kesan	Peluang
MANUSIA- Kecuaian kakitangan di kaunter	Risiko: Kehilangan wang awam/shortfall	Memantapkan tahap integriti sifat berwaspada dan berjaga-jaga semasa di kaunter bayaran.
PERALATAN- Kurang ciri-ciri keselamatan di kaunter	Kesan: Integriti dan imej anggota pegawai & unit terjejas	

UNIT PENGUATKUASAAN :

MENGENAL PASTI RISIKO

Punca / Isu	Risiko & Kesan	Peluang
<p>Kekangan Tindakan Penguatkuasaan Terhadap Pencerobohan Tanah kerajaan (425)</p> <ul style="list-style-type: none"> -Campurtangan politik - kekurangan sumber manusia - Ancaman keselamatan - Kekurangan Peralatan 	<p>Risiko : Pencerobohan</p> <p>Kesan : Penjualan tanah kerajaan, Pembuangan Sampah Haram, Pembinaan Struktur Haram</p>	Mengawal tanah kerajaan
<p>(426 KTN)</p> <p>Permintaan Tinggi terhadap bahan batuan</p> <ul style="list-style-type: none"> - harga yang tinggi - kelewatan memproses permohonan permit 	<p>Risiko: Pengalihan Bahan Batuan Tanpa Wibawa Yang Sah.</p> <p>Kesan: Ketirisan Hasil Negeri</p>	Meningkatkan kutipan royalti
<p>Risiko Pekerjaan Luar</p> <ul style="list-style-type: none"> - Persekitaran 	<ul style="list-style-type: none"> - Penduduk - Gangster - Haiwan 	Menambahbaik SOP untuk menangani ancaman

MENGENALPASTI AKTIVITI UTAMA PDT GOMBAK YANG BOLEH TERDEDAH KEPADA RISIKO :

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

- Pengurusan peruntukan jkkk dan adun
- Pengurusan projek

MENGENALPASTI RISIKO BAGI PROSES / AKTIVITI

MENGENALPASTI RISIKO		
Punca / Isu	Risiko & Kesan	Peluang
a) Tiada perancangan pelaksanaan program	RISIKO 1. Peruntukan tahunan tidak digunakan sepenuhnya. 2. Prestasi perbelanjaan tidak mencapai KPI KESAN 1. Masyarakat tidak dapat menikmati program pembangunan yang sepatutnya. 2. Kegagalan Stakeholder mencapai Visi dan Misi terhadap golongan sasaran.	Memberi kesedaran kepada pegawai yang terlibat untuk menyediakan perancangan kerja tahunan lebih awal.
b) ADN/JKKK tidak melaksanakan program yang dirancang		

MENGENALPASTI RISIKO

Punca / Isu	Risiko & Kesan	Peluang
Dokumen tuntutan yang tidak lengkap	<p>RISIKO Mewujudkan peluang tuntutan palsu dan salah guna kuasa</p> <p>KESAN Berlakunya ketirisan dalam penggunaan peruntukan kerajaan.</p>	Menjadikan pegawai lebih peka serta berhati-hati sebelum mengesahkan sebarang tuntutan.
a) Kekeliruan masyarakat dalam mengenalpasti Agensi/Jabatan yang bertanggungjawab terhadap aduan dan permohonan yang dikemukakan. b) Kekangan peruntukan bagi kerja-kerja tambahan / adhoc yang menjadi keutamaan.	<p>RISIKO Permohonan/ aduan tidak dapat diproses oleh pihak yang bertanggungjawab.</p> <p>KESAN Permohonan/ aduan lewat di ambil tindakan</p>	Mewujudkan ' <i>Networking</i> ' antara agensi serta jabatan lain.

MENGENALPASTI RISIKO

Punca / Isu	Risiko & Kesan	Peluang
<p>Kontraktor tidak berpengalaman Halangan ditapak bina - bantahan penduduk - utiliti sedia ada di atas tapak</p>	<p>RISIKO Tidak dapat meyiapkan kerja mengikut tempoh yang ditetapkan</p> <p>KESAN</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kualiti kerja kurang memuaskan 2. Pencapaian tempoh siap kerja projek terjejas (SKT) 	<p>Memantapkan kawalan dan pemantauan dalam perlantikan kontraktor serta cadangan projek.</p>

PELAN TINDAKAN

KAWALAN RISIKO

PELAN TINDAKAN RISIKO

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

PENGURUSAN ADUAN DAN INTEGRITI

Punca : Ketidakpuasan hati pelanggan terhadap perkhidmatan

TINDAKAN UNTUK KAWALAN RISIKO

Mencegah Risiko ("Current Control")	Mengurangkan Kesan Risiko ("Risk Treatment")	TANGGUNG JAWAB
<p>1. Memastikan tindakan segera dilakukan dalam tempoh 3 hari berkerja selepas aduan di terima.</p> <p>2. Memberi maklumbalas melalui email dan SISPAA (Sistem Pengurusan Aduan Awam)</p>	<p>1. Memberi penjelasan yang tepat kepada pelanggan berkenaan dengan aduan yang diterima.</p>	<p>PT (INTEGRITI)</p>

PENGURUSAN ASET, STOR DAN LATIHAN

Punca : Kurang Latihan Khusus dalam bidang kerja Kakitangan

TINDAKAN UNTUK KAWALAN RISIKO

Mencegah Risiko ("Current Control")	Mengurangkan Kesan Risiko ("Risk Treatment")	TANGGUNG JAWAB
<p>1. Mengalakkan dan menghantar kakitangan untuk hadir berkursus mengikut bidang kerja.</p> <p>2. Memastikan kakitangan menghantar sijil selepas berkursus bagi tujuan rekod</p>	<p>1. Pemantauan berkala daripada ketua jabatan melalui mesyuarat ketua jabatan bersama Pegawai Daerah</p>	PPT (ASET)

Punca : Kenderaan berusia lebih daripada 8 tahun

TINDAKAN UNTUK KAWALAN RISIKO

Mencegah Risiko ("Current Control")	Mengurangkan Kesan Risiko ("Risk Treatment")	TANGGUNG JAWAB
Membuat penyelenggaraan berkala dan kawalan rekod	Mendapatkan penambahan peruntukan bagi penyelenggaraan	PPT (ASET)

PENGURUSAN KEWANGAN

Punca : Laporan Ulasan Teknikal Lesen Eksais daripada Agensi berkaitan lewat di terima

TINDAKAN UNTUK KAWALAN RISIKO

Mencegah Risiko ("Current Control")	Mengurangkan Kesan Risiko ("Risk Treatment")	TANGGUNG JAWAB
1. Membawa isu berkenaan dalam Mesyuarat Ahli Jawatan Kuasa Eksais Tahunan	Memberi kesedaran awal kepada pemohon untuk memohon pembaharuan dan permohonan baru lebih awal.	PA (KEWANGAN)

Punca : Pembayaran tuntutan mangsa bencana

TINDAKAN UNTUK KAWALAN RISIKO

Mencegah Risiko ("Current Control")	Mengurangkan Kesan Risiko ("Risk Treatment")	TANGGUNG JAWAB
Memastikan dokumen yang di terima adalah lengkap	1. Mempercepatkan semakan dan kelulusan dokumen rekutan	PA (KEWANGAN)

PENGURUSAN KESELAMATAN, MAJLIS ACARA

Punca : Kurang kakitangan yang berkemahiran dalam kerja penyelenggaraan

TINDAKAN UNTUK KAWALAN RISIKO

Mencegah Risiko ("Current Control")	Mengurangkan Kesan Risiko ("Risk Treatment")	TANGGUNG JAWAB
1. Memberi latihan kemahiran teknikal kepada kakitangan yang berminat	1. Mendapatkan penambahan peruntukan bagi penyelenggaraan	PT (N26)

Punca : Kurang kepakaran dan kemahiran dalam Pengurusan Majlis

TINDAKAN UNTUK KAWALAN RISIKO

Mencegah Risiko ("Current Control")	Mengurangkan Kesan Risiko ("Risk Treatment")	TANGGUNG JAWAB
Menghantar kakitangan berkaitan mengikuti kursus Pengurusan Majlis	Mendapatkan bantuan dan kerjasama kakitangan berkemahiran	PA (KEWANGAN)

PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Punca : Kehilangan data

TINDAKAN UNTUK KAWALAN RISIKO

Mencegah Risiko ("Current Control")	Mengurangkan Kesan Risiko ("Risk Treatment")	TANGGUNG JAWAB
Memastikan antivirus sentiasa di kemaskini (update) mengikut keperluan	Sentiasa mengimbas virus (scan virus) pada komputer yang digunakan setiap hari	PPTM (ICT)

PELAN TINDAKAN RISIKO

BAHAGIAN PENGURUSAN TANAH

UNIT PEMBANGUNAN TANAH

Punca : Kematian salah seorang pemilik tanah dan perintah PESAKA belum diperolehi

TINDAKAN UNTUK KAWALAN RISIKO

Mencegah Risiko ("Current Control")	Mengurangkan Kesan Risiko ("Risk Treatment")	TANGGUNG JAWAB
i. Mengadakan siasatan bersama pemilik-pemilik tanah berdaftar ii. Memastikan dokumentasi yang diterima adalah lengkap berdasarkan senarai semak	Mendapatkan perintah mahkamah	KETUA UNIT

Punca : Laporan Tanah oleh Unit Teknikal tidak dapat disediakan dalam tempoh waktu yg. telah ditetapkan (14 hari)

TINDAKAN UNTUK KAWALAN RISIKO

Mencegah Risiko ("Current Control")	Mengurangkan Kesan Risiko ("Risk Treatment")	TANGGUNG JAWAB
i. Mematuhi Arahan PTGS ii. Mengemaskini senarai semak iii. Pembahagian tugas berdasarkan bilangan fail permohonan yang diterima	i. Mengadakan sesi prarundingan ii. Memberi maklumbalas secara verbal ke atas rungutan yang diterima	KETUA UNIT

Punca : Penjelasan berhubung sesuatu permohonan tidak jelas / lengkap

TINDAKAN UNTUK KAWALAN RISIKO

Mencegah Risiko ("Current Control")	Mengurangkan Kesan Risiko ("Risk Treatment")	TANGGUNG JAWAB
i. Sesi 'refreshment' bersama kakitangan ii. Menghadiri kursus berkaitan urusan pembangunan tanah	Menyerahkan tugas tersebut kepada pegawai yang lebih berpengalaman/berpengetahuan	KETUA UNIT

UNIT PELUPUSAN TANAH

Punca : Kaedah - kelewatkan pemprosesan permohonan bahan batuan

TINDAKAN UNTUK KAWALAN RISIKO

Mencegah Risiko ("Current Control")	Mengurangkan Kesan Risiko ("Risk Treatment")	TANGGUNG JAWAB
Mematuhi seksyen 70-75 kanun tanah negara 1965	Pemantauan secara rutin oleh unit penguatkuasa	
Memastikan pekeliling ptgs berkenaan permit bahan batuan dipatuhi	Menetapkan tempoh maklumbalas yang perlu dikemukakan oleh jabatan teknikal bagi mempercepatkan ulasan (14 hari waktu bekerja)	KETUA UNIT
Penggunaan borang tindakan kerja		

Punca : Permohonan lesen menduduki sementara

<u>TINDAKAN UNTUK KAWALAN RISIKO</u>		
Mencegah Risiko ("Current Control")	Mengurangkan Kesan Risiko ("Risk Treatment")	TANGGUNG JAWAB
Mematuhi seksyen 65 kanun tanah negara 1965		
Tindakan penguatkuasaan secara berkala dengan mematuhi syarat -syarat di dalam pekeliling ptgs	Program pemutihan untuk pemegang Ips yang telah laluput	KETUA UNIT

Punca : Permohonan pemberimilikan tanah kerajaan

<u>TINDAKAN UNTUK KAWALAN RISIKO</u>		
Mencegah Risiko ("Current Control")	Mengurangkan Kesan Risiko ("Risk Treatment")	TANGGUNG JAWAB
Mematuhi seksyen 76 kanun tanah negara dan mematuhi piagam pelanggan serta carta alir yang telah ditetapkan oleh jabatan	Mewujudkan penyelesaian tunggakan fail permohonan secara 'task force'	
Menguatkuasakan penggunaan borang tindakan kerja (btk)	Pemantauan secara rutin oleh unit penguatkuasa Menetapkan tempoh maklumbalas yang perlu dikemukakan oleh jabatan teknikal bagi mempercepatkan ulasan (14 hari waktu bekerja)	KETUA UNIT

Punca : Permohonan perizaban tanah kerajaan

TINDAKAN UNTUK KAWALAN RISIKO

Mencegah Risiko ("Current Control")	Mengurangkan Kesan Risiko ("Risk Treatment")	TANGGUNG JAWAB
Pihak yang bertanggungjawab perlu mematuhi seksyen 62 ktn	Memaklumkan kepada pihak yang bertanggungjawab tentang tapak yang perlu diwartakan	KETUA UNIT

Punca : Mesyuarat teknikal antara jabatan

TINDAKAN UNTUK KAWALAN RISIKO

Mencegah Risiko ("Current Control")	Mengurangkan Kesan Risiko ("Risk Treatment")	TANGGUNG JAWAB
Perlu mematuhi keputusan di dalam mesyuarat mengikut keperluan jabatan teknikal	Menetapkan tempoh maklumbalas yang perlu dikemukakan oleh jabatan teknikal bagi mempercepatkan ulasan (14 hari waktu bekerja)	KETUA UNIT

UNIT PENDAFTARAN

Punca : Ketiadaan kaunter khas bagi sebarang penyemakan dan pertanyaan bagi proses/aktiviti 1,2 dan 3.

<u>TINDAKAN UNTUK KAWALAN RISIKO</u>		
Mencegah Risiko ("Current Control")	Mengurangkan Kesan Risiko ("Risk Treatment")	TANGGUNG JAWAB
<ul style="list-style-type: none"> a. Mewujudkan kaunter tambahan untuk pertanyaan/ semakan b. Paparan maklumat urusan/ senarai semak di papan kenyataan unit 	<ul style="list-style-type: none"> a. Menyalurkan pelanggan yang mempunyai pertanyaan yang kompleks kepada pegawai atasan b. Meletakkan petugas tambahan bagi membantu operasi di kaunter 	KETUA UNIT

Punca : Tumpuan petugas terganggu akibat jumlah perserahan yang tinggi (aktiviti 1-5)

<u>TINDAKAN UNTUK KAWALAN RISIKO</u>		
Mencegah Risiko ("Current Control")	Mengurangkan Kesan Risiko ("Risk Treatment")	TANGGUNG JAWAB
<ul style="list-style-type: none"> a. Pembahagian perserahan kepada petugas tambahan b. Semakan terperinci oleh pendaftar terhadap kemasukan data yang dibuat oleh petugas sebelum urusan didaftarkan 	<ul style="list-style-type: none"> a. Siasatan terperinci oleh pendaftar terhadap aduan yang diterima b. Pembetulan oleh pendaftar di bawah seksyen 380 KTN. 	KETUA UNIT

Punca : Kewujudan ejen palsu yang mengganggu proses lelongan

TINDAKAN UNTUK KAWALAN RISIKO

Mencegah Risiko ("Current Control")	Mengurangkan Kesan Risiko ("Risk Treatment")	TANGGUNG JAWAB
<ul style="list-style-type: none"> a. Hanya pihak yang berkepentingan sahaja yang dibenarkan hadir semasa proses lelongan dijalankan b. Menempatkan anggota penguatkuasa bagi membantu semasa proses lelongan 	<ul style="list-style-type: none"> a. Memberi tempoh masa 1 - 2 bulan kepada pihak pelelong untuk mengiklankan semula hartanah yang akan dilelong 	KETUA UNIT

Punca : Fraud/penipuan dokumen rasmi bagi tujuan aktiviti/proses 6

TINDAKAN UNTUK KAWALAN RISIKO

Mencegah Risiko ("Current Control")	Mengurangkan Kesan Risiko ("Risk Treatment")	TANGGUNG JAWAB
Memperkenalkan tempoh sah laku carian rasmi bagi Consent adalah 7 hari sahaja	Menyediakan senarai semak untuk semakan dan boleh membuat penolakan jika carian rasmi melebihi 7 hari	KETUA UNIT

Punca : Lambakan dokumen kerana kelewatan pungutan dokumen landed/strata

<u>TINDAKAN UNTUK KAWALAN RISIKO</u>		
Mencegah Risiko ("Current Control")	Mengurangkan Kesan Risiko ("Risk Treatment")	TANGGUNG JAWAB
Elemen denda RM100 bagi setiap transaksi yang lewat dipungut	Pemakluman awal semasa di kaunter (tarikh pungutan dimaklumkan pada borang perserahan)	KETUA UNIT

Punca : Keselamatan Kertas Keselamatan bagi Hakmilik Landed & Strata

<u>TINDAKAN UNTUK KAWALAN RISIKO</u>		
Mencegah Risiko ("Current Control")	Mengurangkan Kesan Risiko ("Risk Treatment")	TANGGUNG JAWAB
Bilik berkunci, hanya orang yang tertentu sahaja dibenarkan masuk ke bilik kebal	Siasatan bagi kehilangan Kertas Keselamatan, Laporan polis dan penggantian semula Kertas Keselamatan	KETUA UNIT

UNIT HASIL

Punca : Memproses bayaran

TINDAKAN UNTUK KAWALAN RISIKO

Mencegah Risiko ("Current Control")	Mengurangkan Kesan Risiko ("Risk Treatment")	TANGGUNG JAWAB
<p>a. Menggunakan mesin kira wang yang disediakan di kaunter</p> <p>b. Menyediakan garis panduan ciri-ciri keselamatan matawang</p>	<p>a. Penggantian wang oleh kakitangan yang bertugas di kaunter</p> <p>b. Meningkatkan pengawasan di kaunter oleh Pegawai Penyelia.</p>	KETUA UNIT
<p>a. Menyediakan garis panduan perkhidmatan kaunter</p> <p>b. Menurunkan "rolling shutter" selepas kaunter ditutup</p>	<p>a. Penggantian wang oleh kakitangan yang bertugas di kaunter dan teguran oleh penyelia</p> <p>b. Meningkatkan pengawasan di kaunter oleh Pegawai Penyelia.</p>	

Punca : Pengurusan dalam meningkatkan kutipan hasil tanah dan mengurangkan tunggakan cukai tanah

TINDAKAN UNTUK KAWALAN RISIKO		
Mencegah Risiko ("Current Control")	Mengurangkan Kesan Risiko ("Risk Treatment")	TANGGUNG JAWAB
<ul style="list-style-type: none"> a. Mempromosi pembayaran hasil tanah sebelum tempoh akhir bayaran (31 Mei) di laman web jabatan b. Konsultansi dengan jabatan insolvensi/liquidator c. Menjalankan operasi ke kawasan yang terlibat 	<ul style="list-style-type: none"> a. Mengeluarkan surat peringatan kepada pemilik yang gagal membayar hasil tanah b. Mengeluarkan notis 6A dan 8A c. Membuat perjumpaan bersama pemilik 	KETUA UNIT

UNIT PENGUATKUASAAN

Punca : Kekangan Tindakan Penguatkuasaan Terhadap Pencerobohan Tanah kerajaan (425)

TINDAKAN UNTUK KAWALAN RISIKO		
Mencegah Risiko ("Current Control")	Mengurangkan Kesan Risiko ("Risk Treatment")	TANGGUNG JAWAB
<p>Memberi kesedaran kepada orang awam mengurangkan risiko pencerobohan</p> <p>Melaksanakan rondaan secara berkala di samping mengadakan operasi yang bersesuaian.</p>	<p>Notis arahan Pengosongan Tanah Kerajaan dan pemasangan papan tanda amaran.</p>	KETUA UNIT

Punca : (426 KTN) Permintaan Tinggi terhadap bahan batuan

TINDAKAN UNTUK KAWALAN RISIKO		
Mencegah Risiko ("Current Control")	Mengurangkan Kesan Risiko ("Risk Treatment")	TANGGUNG JAWAB
<p>tindakan yang diambil adalah selari seperti yang diarahkan di dalam:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Seksyen 426 KTN. - Kaedah Tanah Selangor - Pekeliling Pejabat Tanah dan Galian Selangor - Pekeliling JKPTG 	<p>Memaklumkan bahawa setiap bahan batuan yang dibawa keluar hendaklah mempunyai permit.</p> <p>Perampasan lori dan jentera akan dijalankan. Operasi penguatkuasaan juga akan dibuat bagi menutup terus tapak operasi</p>	KETUA UNIT

Punca : Risiko Pekerjaan Luar

TINDAKAN UNTUK KAWALAN RISIKO

Mencegah Risiko ("Current Control")	Mengurangkan Kesan Risiko ("Risk Treatment")	TANGGUNG JAWAB
<ul style="list-style-type: none"> - Makluman awal pada pihak Polis - Makluman pada Ketua Komuniti - Kerjasama dengan agensi yang berkaitan - Menghadkan masa operasi di lokasi 	<ul style="list-style-type: none"> - Laporan kepada pihak berkuasa - Rawatan kepada anggota yang bertugas 	KETUA UNIT

Punca : Menjalankan penguatkuasaan seksyen 127 KTN 1995

TINDAKAN UNTUK KAWALAN RISIKO

Mencegah Risiko ("Current Control")	Mengurangkan Kesan Risiko ("Risk Treatment")	TANGGUNG JAWAB
<ul style="list-style-type: none"> - Mengeluarkan notis pelanggaran syarat mengikut SOP 	<ul style="list-style-type: none"> - Permohonan pertukaran syarat nyata tanah - Baikpulih tanah 	KETUA UNIT

PELAN TINDAKAN RISIKO

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

Punca : Tiada perancangan pelaksanaan program

TINDAKAN UNTUK KAWALAN RISIKO

Mencegah Risiko ("Current Control")	Mengurangkan Kesan Risiko ("Risk Treatment")	TANGGUNG JAWAB
a) Meminta ADN/ JKKK mengemukakan perancangan program tahunan kepada PLB pada awal Januari setiap tahun b) Mewujudkan mesyuarat berkala bersama ADN/JKKK setiap suku tahun c) Kemukakan surat peringatan kepada ADN/JKKK untuk melaksanakan program yang dirancang	a) ADN/JKKK perlu mengemukakan laporan berkala prestasi peruntukan setiap 3 bulan kepada PLB. b) Mengemukakan surat pemakluman baki peruntukan yang perlu dibelanjakan setiap 3 bulan	KETUA UNIT (MASYARAKAT)

Punca : Dokumen tuntutan yang tidak lengkap

TINDAKAN UNTUK KAWALAN RISIKO		
Mencegah Risiko ("Current Control")	Mengurangkan Kesan Risiko ("Risk Treatment")	TANGGUNG JAWAB
<ul style="list-style-type: none"> a) Membuat senarai semak pelaksanaan program yang disahkan oleh ADN dan PLB b) Melaksanakan taklimat tuntutan pelaksanaan program kepada ADN/JKKK dua kali setahun 	<ul style="list-style-type: none"> a) Memastikan senarai semak tuntutan dipatuhi 	KETUA UNIT (MASYARAKAT)

Punca : Kontraktor tidak berpengalaman

TINDAKAN UNTUK KAWALAN RISIKOZ		
Mencegah Risiko ("Current Control")	Mengurangkan Kesan Risiko ("Risk Treatment")	TANGGUNG JAWAB
<ul style="list-style-type: none"> a) Pemilihan kontraktor berdasarkan prestasi kerja lalu. b) Membuat jadual perancangan kerja. c) Membuat siasatan awal bagi mengenalpasti kemungkinan masalah atau halangan ditapak bina sebelum sesuatu projek dijalankan. 	<ul style="list-style-type: none"> a) Mengemukakan surat peringatan berkaitan kemajuan kerja di tapak bina sekiranya lewat daripada jadual. b) Mengenakan denda lewat mengikut kos projek yang dibuat. c) Menyimpan rekod laporan prestasi kontraktor selepas kerja siap dilaksanakan. 	KETUA UNIT (MASYARAKAT)

Punca : Kekeliruan masyarakat dalam mengenalpasti Agensi/Jabatan yang bertanggungjawab terhadap aduan dan permohonan yang dikemukakan.

TINDAKAN UNTUK KAWALAN RISIKOZ

Mencegah Risiko ("Current Control")	Mengurangkan Kesan Risiko ("Risk Treatment")	TANGGUNG JAWAB
<p>a) Membuat senarai semak pelaksanaan program yang disahkan oleh ADN dan PLB</p> <p>b) Melaksanakan taklimat tuntutan pelaksanaan program kepada ADN/JKKK dua kali setahun</p>	<p>a) Penerangan skop kerja dan kawasan seliaan kepada masyarakat melalui dialog, pertemuan antara pegawai kerajaan dengan masyarakat.</p> <p>b) Memberi maklumbalas melalui e-mel / panggilan telefon / mesej pada setiap permohonan yang diterima disusuli dengan lawatan tapak. SOP-3hari</p> <p>c) Membuat permohonan peruntukan dalam tempoh 7 hari bekerja selepas lawatan tapak dan penyediaan butiran kerja.</p>	KETUA UNIT (FIZIKAL)

BAB 4

PENUTUP

PENUTUP

Pelan Pengurusan Risiko Pejabat Daerah dan Tanah Gombak dirangkan sebagai garis panduan kepada warga Pejabat Daerah dan Tanah Gombak ke arah memastikan sistem penyampaian yang cekap, telus dan mesra dapat direalisasikan.

Oleh yang demikian, Pelan Pengurusan Risiko ini merupakan satu persediaan yang dirancang bagi menghadapi cabaran dalaman dan luaran jabatan dari pelbagai aspek. Pelan tindakan yang telah dirancang memerlukan komitmen dan penglibatan daripada semua pihak. Di samping itu, proses penambahbaikan dan semakan semula pelan perlu dilaksanakan dari semasa ke semasa supaya sesuai dengan cabaran dan polisi-polisi baru yang digubal pada masa akan datang.



copyright@PDTG_2019

